

30/08/1997

(Laporan BSKL)

HARGA saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pulih semula dan ditutup rendah di atas belian dana tempatan yang meningkat dalam setengah jam terakhir urus niaga.

Sokongan belian tempatan yang berselang seli meningkatkan aras penanda Indeks Komposit daripada paras rendah 777.96 pada sesi pagi dan 779.93 pada sesi tengah hari, sebelum ditutup pada 804.40 mata, menurun hanya sebanyak 7.78 mata.

Penganalisis berkata tekanan jualan yang kebanyakannya datang dari Eropah dan Amerika Syarikat (AS) akan berakhir dalam tempoh dua atau tiga hari lagi sebelum pasaran kembali stabil.

Arahan baru BSKL mengenai "serahan sebelum jualan" dikatakan mengejutkan dana asing dan mereka kini terpaksa membuat keputusan menjual saham tempatan mereka, kata seorang penganalisis.

Sejajar dengan pergerakan Indeks Komposit, indeks-indeks lain menamatkan penurunan mereka dengan Indeks Emas susut hanya 3.96 mata kepada 219.48, Indeks Papan Kedua jatuh 11.95 mata kepada 373.74 manakala Indeks Perusahaan turun 33.00 mata kepada 1,619.23.

Kaunter turun mengatasi kaunter naik dengan 558 berbanding 185, dengan 72 kaunter tidak berubah dan 72 kaunter tidak diniagakan.

Jumlah perolehan bagi semalam berada pada 545.668 juta saham bernilai RM2.051 bilion.

Jumlah urus niaga Papan Utama meningkat kepada 498.269 juta saham bernilai RM1.754 bilion daripada 362.573 juta saham bernilai RM1.310 bilion kelmarin.

Jumlah di Papan Kedua juga meningkat sedikit kepada 47.399 juta saham bernilai RM296.216 juta daripada 46.928 juta saham bernilai RM319.157 juta pada Khamis.

Urus niaga langsung, bagaimanapun jatuh kepada 37.563 juta saham bernilai RM173.680 juta daripada 40.840 juta saham bernilai RM278.803 juta kelmarin.

Penganalisis berkata Indeks Komposit akan bergerak melebihi paras 900-mata pada pertengahan minggu depan di atas sokongan daripada institusi tempatan berikutan arahan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin.

Sementara itu, di Air Hitam, Kedah, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar berkata pasaran dijangka pulih minggu depan jika institusi tempatan kembali semula ke dalam pasaran secara besar-besaran.

Seorang penganalisis lain berkata, ringgit yang dijangka meningkatkan prestasinya minggu depan, akan memberi keyakinan kepada pelabur untuk menyokong pasaran saham.

Pada jam 5.04 petang semalam, ringgit ditutup pada 2.8949/95 berbanding unit dolar AS daripada penutupan 2.8850/00 kelmarin. Unit tempatan itu meningkat hampir 160 mata apabila dibandingkan dengan paras pembukaan pagi semalam pada 2.9480/30.

Khabar angin tersebar dalam pasaran saham bahawa bank-bank tidak akan membuat panggilan margin buat sementara waktu terhadap peminjam yang mengalami kejatuhan nilai dalam sandaran saham mereka, dan ia dilihat sebagai satu usaha untuk membendung tekanan jualan bagi menyokong pasaran saham.

Di kalangan saham mewah, Telekom dan TNB masing-masing tidak berubah pada RM8.90 dan RM8.70, Maybank jatuh 70 sen kepada RM19.40, Sime Darby

naik lima sen kepada RM6.90, Genting meningkat 20 sen kepada RM10.00 manakala Hicom menambah 16 sen kepada RM3.96.

Sementara itu, Renong tidak berubah pada RM3.00, MRCB jatuh 15 sen kepada RM2.35, Magnum susut empat sen kepada RM2.71, RekaPacific naik dua sen kepada RM1.39 manakala Berjaya Group jatuh 18 sen kepada RM1.69. -
Bernama

(END)